

Dr. M: Globalisasi perlu ambil kira pandangan negara terbabit

08/06/04 UM No 2

PERTH, Australia 7 Jun — Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, usaha memajukan ke negara-negara membangun tanpa mengambil kira pandangan negara terbabit, dikhuatiri bakal mengakibatkan ketidakstabilan kepada negara-negara tersebut.

Katanya, terdapat banyak negara membangun yang bimbang dengan fenomena globalisasi berdasarkan pengalaman masa lalu yang menyaksikan negara maju atau pihak Barat telah menguasai atau menjajah negara mereka menerusi perdagangan.

Bekas Perdana Menteri itu bagaimanapun berkata, beliau percaya kebim-



DR. MAHATHIR

bangun tersebut akan dapat dikikis sekiranya negara-negara maju me-

ngambil pendekatan berbeza ketika mengadakan hubungan perdagangan dengan negara membangun.

Katanya, pendekatan berbeza termasuk mengambil kira pendapat negara-negara membangun pasti akan membawa faedah kepada kedua-dua pihak.

"Kita perlu memberi pertimbangan kepada pendapat negara-negara membangun, kerana jika dibiarkan kebimbangan itu berterusan, ia boleh menyebabkan ketidakstabilan selain menjadi penghalang kepada perhubungan perdagangan," kata beliau pada satu forum di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang ber-sara pada Oktober lalu menjadi tetamu Global Foundation iaitu satu kumpulan pemikir yang berusaha menggalakkan pembangunan Australia menerusi konteks globalisasi.

Menurut beliau, kebanyakan negara membangun sangat bimbang dengan pendekatan oleh negara-negara maju.

Katanya, Malaysia merupakan contoh terbaik yang memanfaatkan globalisasi kerana negara itu telah menterjemah globalisasi mengikut acuannya sendiri.

"Kejayaan kami di dalam bidang perdagangan adalah disebabkan oleh

syarat-syarat yang kami kenakan untuk perdagangan itu sendiri mengikut cara kami," kata Dr. Mahathir.

Sebagai contoh katanya, masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum masih stabil kerana dasar-dasar tegas yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Menurut Dr. Mahathir, mengenakan cukai ke atas syarikat-syarikat yang mengadakan perdagangan dengan negara membangun dan menggunakan hasil cukai itu untuk pembangunan infrastruktur merupakan satu cara untuk merangsang ekonomi negara.